



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### **MOSTI MEMUPUK PENYELESAIAN IMPAK SOSIAL DALAM MEMPERKUKUHKAN PERTUMBUHAN NEGARA**

*MRANTI Impact Challenge Accelerator (MICA) menyediakan dana dan sokongan sebanyak RM1.192 juta menerusi program selama 12 bulan*

---

**KUALA LUMPUR, 15 September 2022** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini melancarkan ***MRANTI Impact Challenge Accelerator (MICA)*** sebagai usaha berterusan dalam memperkuuhkan pertumbuhan sosio-ekonomi negara.

MICA disusun sebagai sebuah program yang akan dikendalikan selama **12 bulan bermula September 2022** bertujuan untuk menghasilkan solusi inovatif dalam menangani beberapa isu sosial dan alam sekitar yang utama di Malaysia.

Program MICA adalah hasil jalinan kolaborasi antara ***Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI)*** iaitu agensi di bawah MOSTI, ***United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF)*** dan Proficeo yang mewakili sebuah kerjasama awam dan swasta.

Program ini menyediakan dana, sokongan dan perkhidmatan berjumlah **RM1.192 juta** untuk syarikat pemula teknologi dan para inovator yang membentuk penyelesaian berfokuskan tiga (3) tema iaitu dalam bidang **perubahan iklim, pengurusan risiko bencana** dan **malnutrisi** yang selari dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Sustainable Development Goals - SDG*).

Menurut YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, pelbagai isu dan cabaran perlu ditangani untuk memastikan perkembangan kanak-kanak di masa hadapan termasuklah kesan perubahan iklim dan akses kepada pemakanan yang sihat.

“Impak daripada program MICA ini akan dapat memberi manfaat buat generasi baharu, terutamanya kanak-kanak berusia di bawah 18 tahun yang merangkumi 28

peratus daripada populasi di Malaysia. Golongan ini wajar dilindungi kerana mereka yang bakal mewarisi legasi negara,” katanya.

Tambah beliau, “Kerjasama antara MRANTI bersama UNICEF adalah penting untuk menjayakan MICA. Saya berharap program ini dapat mencari jalan penyelesaian yang mampan untuk menangani isu-isu kritikal, di samping merancakkan budaya penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi dalam kalangan Keluarga Malaysia.”

Sementara itu, Timbalan Wakil UNICEF di Malaysia, Christopher Davids menjelaskan, “Kanak-kanak dan golongan muda yang menyumbang paling sedikit kepada perubahan iklim, terpaksa menanggung akibatnya. Dengan itu, UNICEF menyahut seruan ini untuk menginkubasi dan merintis idea inovatif bagi menghadapi cabaran pada masa kini. Sedang Malaysia terus rancak dengan agenda pemulihian ekonomi, golongan kanak-kanak juga tidak akan dilupakan.”

Salah satu jalan penyelesaian untuk menangani malapetaka **perubahan iklim** adalah dengan melengkapkan kanak-kanak dan golongan belia dengan pengetahuan dan kemahiran yang wajar supaya mereka dapat mengatasi risiko perubahan iklim dengan sebaiknya.

Dari segi **pengurusan risiko bencana**, Malaysia memerlukan satu penyelesaian teknologi yang boleh menjangka risiko bencana yang akan berlaku. Penyelesaian tersebut seterusnya boleh dijadikan mekanisme amaran awal bencana, sama ada bencana yang terjadi secara semula jadi atau akibat perbuatan manusia.

Untuk menangani kes **malnutrisi** yang semakin meningkat pula, adalah digalakkan untuk mencari penyelesaian inovatif yang merangkumi aspek pendidikan, komunikasi serta akses kepada sumber pemakanan yang sihat kepada golongan sasaran iaitu ibu dan bayi.

Di samping itu, ia akan membangunkan potensi penyelesaian inovatif yang relevan, praktikal dan berkesan untuk menangani cabaran sosio-ekonomi masyarakat dan alam sekitar melalui proses bimbingan, inkubasi, pembiayaan dan sebagainya dengan kerjasama pelbagai pihak.

MOSTI baru-baru ini telah menggariskan Pelan Hala Tuju Teknologi Negara bagi tempoh 2021 hingga 2030 yang bertujuan untuk membangunkan ekosistem, inovasi dan keupayaan pengkomersialan produk teknologi tempatan, sekali gus mengurangkan kebergantungan pada teknologi luar dan buruh asing.

Oleh itu, MICA bertujuan untuk memperkuuh kapasiti syarikat tempatan untuk lebih berdaya saing dalam menghasilkan penyelesaian inovatif berimpak tinggi yang bukan sahaja dapat menembusi pasaran di Malaysia, malah di peringkat ASEAN dan global.

Dalam pada itu, MICA juga telah menyarankan bahawa penyelesaian yang dicari tidak semestinya bersifat digital, selagi alat dan medium yang digunakan adalah inovatif serta menarik segmen sasaran.

Program MICA akan dilaksanakan dalam **tiga (3) fasa** di mana para peserta akan mempunyai akses kepada bimbingan dan latihan perniagaan, penyelesaian berimpak dan penambahan nilai. Sokongan pasca pemangkin akan diberi dalam bentuk pembangunan kapasiti, akses pasaran dan peluang rangkaian.

Perusahaan sosial, para innovator dan syarikat pemula boleh mendapatkan maklumat lanjut di: <http://www.mranti.my/mica> atau emel: [socialimpact@mymagic.my](mailto:socialimpact@mymagic.my)

**# TAMAT #**

**Disediakan oleh:**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**15 SEPTEMBER 2022**

**Pertanyaan Media:**

**Fazlyn Kamal, [fazlyn@mymagic.my](mailto:fazlyn@mymagic.my) (+6012-3033646)**

**Syafieqa Satria, [syafieqa@mymagic.my](mailto:syafieqa@mymagic.my) (+6017-395 1088)**

## **Tentang UNICEF**

UNICEF bergiat aktif di seluruh pelusuk dunia untuk membantu kanak-kanak yang kurang bernasib baik. Kami berusaha membantu kanak-kanak di 190 buah negara dan wilayah untuk mewujudkan dunia yang lebih baik untuk mereka.

Untuk maklumat yang lebih lanjut tentang UNICEF, sila layari [www.unicef.org](http://www.unicef.org) dan ikuti UNICEF di [Twitter](#) dan [Facebook](#)

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Rachel Choong, UNICEF Malaysia, +6012 416 2872, [rchoong@unicef.org](mailto:rchoong@unicef.org)